

TEKS UCPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
MESYUARAT AGUNG BAKTI KE-15
29 JUN 1992

Saudari Pengerusi Majlis, Yang Berbahagia Tetuan Hanafiah, Raslan & Mohamad, Yang dikasihi Ahli-ahli BAKTI dan Ahli-ahli Bersekutu,

Saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana saudara-saudari masih bersama dengan saya di dalam mesyuarat agung BAKTI ini. Adalah menjadi kebiasaan yang mesyuarat-mesyuarat agung dianggap sebagai "long and tedious meetings" tetapi sebagai ahli yang bertanggungjawab, perlulah kita sama-sama bersabar dan sama-sama menyelesaikan dan menyempurnakan tugas-tugas dalam mesyuarat agung ini.

2. Saya tidak perlu menghuraikan kegiatan BAKTI sepanjang tahun kerana semuanya tercatat dalam buku laporan. Saya hanya hendak menekankan mengenai dua tiga perkara yang penting untuk pengetahuan saudara-saudari sekalian.

3. Yang pertama, ialah mengenai perayaan ulangtahun BAKTI yang ke-15 yang telah kita lancarkan pada 16 Mei, 1992 dengan bacaan doa selamat di sini. Berikutan dengan perayaan ini BAKTI akan mengadakan majlis penyampaian derma BAKTI pada 8 Julai, 1992, di mana derma BAKTI yang terbesar sekali akan diberikan kepada Badan Amal dan Kebajikan Isteri Pemimpin-pemimpin peringkat negeri, dan empat badan sukarela masing-masing di setiap negeri, hospital-hospital mengikut wilayah dan juga tabung-tabung yang terpilih. Saudari-saudari telah pun memberikan mandat kepada Pengerusi JKK Kebajikan dan Jawatankuasa Tadbir memilih penerima-penerima dan jumlah untuk disumbangkan, dan pada petang ini, saudara-saudari akan diminta memberikan kelulusan rasminya.

4. Pada 12 Julai, 1992 pula, BAKTI akan mengadakan Majlis Malam Amal-"Himpunan Budi Penyeri BAKTI" - untuk mengisi semula tabung-tabung kewangan BAKTI. Usaha ini memerlukan kerjasama SEMUA ahli BAKTI untuk mendapatkan seberapa banyak derma yang boleh dan ikhlas daripada rakan-rakan BAKTI. Surat-surat rayuan telah pun disediakan dan diedarkan kepada saudara-saudari dan saya berharap tidak seorang pun ahli akan memeluk tubuh sahaja dan mengharap rakan-rakan lain pula yang bertungkus-lumus berusaha untuk mengisi tabung-tabung kita. Projek ini adalah projek bersama dan setiap ahli perlu bertanggungjawab mendapatkan derma walau seberapa kecil manapun.

5. Untuk mentadbirkan wang yang akan kita perolehi nanti, BAKTI memerlukan satu Jawatankuasa Tadbir yang kuat dan cergas. Jawatankuasa ini mesti membuat rancangan-rancangan yang teratur dan menentukan ia dilaksanakan dengan baik. Oleh itu, dalam pemilihan ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir yang baru sebentar lagi, saya berharap saudara-saudari akan memilih calon-calon yang dapat meluangkan masa dan

kebolehan mereka kepada BAKTI. Ahli-ahli baru yang menyertai BAKTI diharap juga rela menyumbangkan khidmat mereka supaya BAKTI sentiasa berkembang mekar dengan idea-idea yang baru demi faedah dan kemajuan masyarakat.

6. Dengan harapan ini saya berpindah kepada agenda yang kedua.

Terima kasih.